



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK pada 19 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BI L	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>KPWKM Akui Nisbah OKU Autisme Dengan Pusat Autisme Tidak Mencukupi</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-akui-nisbah-oku-autisme-dengan-pusat-autisme-tidak-mencukupi/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1325378/nisbah-oku-austime-berdaftar-dengan-pusat-autisme-tidak-mencukupi#google_vignette</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156280/nisbah-autisme-berdaftar-dengan-pusat-jagaan-tidak-mencukupi</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/parlimen-kerajaan-akui-pusat-kendalian-autisme-tidak-mencukupi#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/nisbah-oku-autisme-berdaftar-berbanding-pusat-autisme-tidak-mencukupi-x99c14w</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/18/dewan-rakyat-jumlah-pusat-autisme-tidak-mencukupi#google_vignette</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jumlah-kes-autisme-meningkat-kpwkm-jalankan-kajian-bersama-pakar</p> <p>https://www.threads.net/@malaysiagazette/post/DCf_VcIPSVy/nisbah-bilangan-oku-autisme-berdaftar-berbanding-bilangan-pusat-autisme-di-selur</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan Malaysia</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Positif

2.	<p>KPWKM Tubuh 11 Taska OKU, Sedia Bantuan Kewangan</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-psk-tubuh-11-taska-oku-sediakan-bantuan-kewangan</p>	Berita RTM	Positif
3.	<p>KPWKM Jalankan Kajian Mengenai Peningkatan Autisme Di Negara Ini</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/18/kpwkm-jalankan-kajian-mengenai-peningkatan-autisme-di-negara-ini/#google_vignette</p>	Malaysia Gazette	Positif
4.	<p>Jumlah Pakar, Ahli Terapi Autisme Berdaftar Masih Rendah: Nancy</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/18/jumlah-pakar-ahli-terapi-autisme-berdaftar-masih-rendah-nancy</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697215/berita/nasional/jumlah-pakar-ahli-terapi-autisme-berdaftar-masih-rendah---nancy</p> <p>https://web11.bernama.com/bm/news.php?id=2364625</p> <p>https://x.com/SinarOnline/status/1858408627205521594</p> <p>https://seeni.my/article/jumlah-pakar-ahli-terapi-autisme-berdaftar-masih-rendah-nancy-sinar-harian-697215</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156280/nisbah-autisme-berdaftar-dengan-pusat-jagaan-tidak-mencukupi</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
5.	<p>Langkah lindungi budaya setempat, insentif pusat autisme tumpuan Dewan Rakyat hari ini</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/18/langkah-lindungi-budaya-setempat-insentif-pusat-autisme-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini</p>	Utusan Borneo	Positif
6.	<p>Sektor swasta, NGO dan komuniti diseru laksana program kesejahteraan keluarga</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/17/sektor-swasta-ngo-dan-komuniti-diseru-laksana-program-kesejahteraan-keluarga</p>	Utusan Borneo	Neutral

<p>7.</p>	<p>SAR Wanita Dihanyut Arus Deras Akan Fokus Sungai Rui</p> <p>https://www.hotfm.audio/sar-wanita-dihanyut-arus-deras-akan-fokus-sungai-rui/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/18/sar-wanita-dihanyut-arus-deras-akan-fokus-sungai-rui/</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2364856</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/11/1325683/nur-arina-dipercayai-sudah-hanyut-ke-sungai-rui-bomba</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697300/video/berita-semasa-video/sar-nur-arina-tertumpu-di-sungai-rui---bomba</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/wanita-dikhuatiri-lemas-tiada-petunjuk-baharu-sar-disambung-esok-KB13308839</p>	<p>HotFm</p> <p>FMT</p> <p>Bername</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Sun</p>	<p>Neutral</p>
<p>8.</p>	<p>Wanita Warga Emas Diacu Pisau Di Leher, Disamun Dalam Rumah</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697336/berita/semasa/wanita-warga-emas-diacu-pisau-di-leher-disamun-dalam-rumah</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/wanita-warga-emas-diacu-pisau-ruqi-rm2000/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1323216/samun-warga-emas-dan-acu-pisau-penyamun-ditahan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/12/warga-emas-diacu-pisau-di-leher-disamun-dalam-rumah/</p> <p>https://seeni.my/article/warga-emas-diacu-pisau-di-leher-disamun-dalam-rumah-sinar-harian-696271</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan Malaysia</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Seeni (Sinar Harian)</p>	<p>Neutral</p>
<p>9.</p>	<p>Warga Emas Maut Ketika Mengambil Tayar Ganti Di But Kereta</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1325750/warga-emas-maut-ketika-mengambil-tayar-ganti-di-kereta</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2024/11/warga-emas-temui-ajal-ketika-tukar-tayar-kereta-di-lksa/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2364852</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan Malaysia</p> <p>Bername</p>	<p>Neutral</p>

	<p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/18/warga-emas-maut-ketika-tukar-tayar-pancit/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-ketika-tukar-tayar-kereta-di-lksa-496898</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-ketika-mengambil-tayar-ganti-di-but-kereta/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-maut-dilanggar-di-lksa</p>	<p>FMT</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p>	
10.	<p>Kanak-Kanak 7 Tahun Maut, Motosikal Bapa Di Rempuh Kereta Mewah</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1325742/kanak-kanak-7-tahun-maut-motosikal-bapa-di-rempuh-kereta-mewah</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-7-tahun-maut-motosikal-dinaiki-bersama-ibu-bapa-dilanggar-496905</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697305/berita/semasa/anak-maut-ibu-bapa-cedera-motosikal-dirempuh-kereta</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156494/motosikal-ditunggangi-3-beranak-dirempuh-anak-7-tahun-maut</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
11.	<p>GISB: Fokus Utama Pulihkan Kanak-Kanak, Kembalikan Ke Pangkuan Keluarga - Mohd Na'im</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-fokus-utama-pulihkan-kanak-kanak-kembalikan-ke-pangkuan-keluarga---mohd-naim-496801</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697178/berita/nasional/gisbh-fokus-utama-pulihkan-kanak-kanak-kembalikan-ke-pangkuan-keluarga</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/18/dewan-rakyat-kanak-kanak-gisbh-akan-dikembalikan-ke-pangkuan-keluarga/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/18/gisbh-fokus-utama-pulihkan-kanak-kanak-kembalikan-ke-pangkuan-keluarga</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral

12.	Graduan OKU Raih Pingat Emas USM https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2024/11/1325583/graduan-oku-raih-pingat-emas-usm https://www.utusanborneo.com.my/2019/09/23/graduan-oku-dari-sarawak-penerima-hadiah-pingat-emas-usm	Berita Harian Utusan Borneo	Positif
13.	Pelajar Tingkatan Dua maut terjatuh tingkat lapan bangunan sekolah https://www.sinarharian.com.my/article/697326/berita/semasa/pelajar-tingkatan-dua-maut-terjatuh-tingkat-lapan-bangunan-sekolah https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1325762/pelajar-tingkatan-dua-maut-terjatuh-tingkat-lapan-bangunan-sekolah https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-perempuan-maut-terjatuh-dari-tingkat-lapan-sekolah-di-pulau-pinang-496914 https://www.malaysiakini.com/news/726321#google_vignette https://malaysiagazette.com/2024/11/19/pelajar-terjatuh-tingkat-lapan-bangunan-sekolah/ https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/11/19/teen-girl-dies-after-falling-from-penang-school-building/ https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156539/pelajar-tingkatan-dua-maut-terjatuh-tingkat-lapan-bangunan-sekolah	Sinar Harian Berita Harian Astro Awani MalaysiaKini Malaysia Gazette FMT Harian Metro	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM AKUI NISBAH OKU AUTISME DENGAN PUSAT AUTISME TIDAK MENCUKUPI



Datuk Seri Nancy Shukri ketika berucap di Dewan Rakyat hari ini.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengakui bilangan perkadaran nisbah Orang Kurang Upaya (OKU) autisme berdaftar berbanding bilangan pusat autisme di seluruh negara tidak mencukupi.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi merapatkan jurang penawaran dan permintaan terhadap perkhidmatan dan sokongan terhadap golongan autisme.

ADVERTISING

“Sehingga 31 Oktober 2024, terdapat sebanyak 33 buah Pusat Jagaan Autisme yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Manakala bagi pendaftaran Orang Kurang Upaya Masalah Pembelajaran bagi kategori Austime bagi tempoh yang sama pula adalah seramai 65,191 orang.

“KPWKM mengambil maklum bahawa perkadaran nisbah di antara bilangan OKU autisme berdaftar berbanding bilangan pusat autisme di seluruh negara di bawah kendalian JKJ atau agensi Kerajaan yang lain tidak mencukupi.

“Justeru, Kerajaan sentiasa cuba melaksanakan inisiatif yang dapat memberi sokongan perkhidmatan ini dari semasa ke semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Alias Razak di Dewan Rakyat hari ini.

Tambahnya, KPWKM telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi merapatkan jurang penawaran dan permintaan terhadap perkhidmatan serta sokongan autisme.

Ia termasuk menjalinkan kerjasama dengan komuniti serta badan-badan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK).

Selain itu, inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Program Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Perkhidmatan TASKA OKU dan menjalinkan kerjasama strategik dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Tambahnya, KPWKM juga sedang memperincikan perancangan untuk membangunkan Pusat Perkhidmatan Autisme dan menyediakan Bantuan Yuran Pembelajaran Anak Autisme dalam tempoh terdekat.

Dalam Pembentangan Belanjawan 2025 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM5 juta untuk membangunkan Pusat Perkhidmatan Autisme dan RM15 juta bagi Bantuan Yuran Pembelajaran Anak Autisme.

Justeru, katanya, usaha dan sokongan bagi perkhidmatan program intervensi dan rehabilitasi untuk autisme adalah bersifat rentas kementerian dan memerlukan pelbagai kepakaran serta sokongan.

Pendekatan itu jelasnya, perlu bagi memastikan sokongan yang diberikan adalah bersifat holistik dan menyokong ke arah perkembangan, kesamarataan hak dan peluang serta penyertaan aktif komuniti autisme.

KPWKM TUBUH 11 TASKA OKU, SEDIA BANTUAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 18 November- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK) telah menubuhkan 11 buah taska khusus untuk kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) sejak tahun 2013.

Menteri KPWKM, Datuk Seri Nancy Shukri berkata taska tersebut menumpukan kepada kanak-kanak OKU yang menghadapi pelbagai keadaan seperti sindrom down, autisme, masalah penglihatan, pendengaran, fizikal dan pembelajaran.

"Sebagai galakan dan sokongan kepada lebih ramai pihak serta PSK dalam menubuhkan dan mengoperasikan taska OKU di seluruh negara, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kepada pengusaha taska OKU.

"Bantuan tersebut termasuk Bantuan Kewangan Penubuhan sebanyak RM500,000 dan Bantuan Kewangan Operasi," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Taska OKU Autisme di Sibu, Sarawak merupakan taska pertama ditubuhkan khas untuk kanak-kanak autistik.

Beliau turut berkongsi pencapaian KPWKM setakat September, yang mana sebanyak RM137.4 juta telah disalurkan bagi Program Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK).

Program berkenaan memberi manfaat kepada 19,907 OKU di 573 PPDK di seluruh negara.

KPWKM JALANKAN KAJIAN MENGENAI PENINGKATAN AUTISME DI NEGARA INI

KUALA LUMPUR – Seramai 65,191 Orang Kelainan Upaya (OKU) yang menghadapi masalah pembelajaran bagi kategori autisme berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat Oktober lepas.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri mengakui nisbah OKU autisme berdaftar berbanding pusat jagaan tidak mencukupi.

Bagaimanapun, beliau berkata, bukan semua golongan itu perlu dihantar ke pusat jagaan khas sebaliknya apa lebih penting keperluan mereka mendapatkan intervensi selain bimbingan keluarga di rumah.

“Sehingga 31 Oktober 2024, terdapat sebanyak 33 Pusat Jagaan Autisme yang berdaftar dengan JKM. Bagi pendaftaran OKU masalah pembelajaran bagi kategori autisme bagi tempoh sama pula adalah seramai 65,191 orang.

“KPWKM mengambil maklum, perkadaran nisbah di antara bilangan OKU autisme berdaftar berbanding bilangan pusat autisme di seluruh negara di bawah kendalian JKM atau agensi kerajaan lain tidak mencukupi,” katanya pada sesi pertanyaan menetri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) mengenai perancangan kerajaan bagi meningkatkan bilangan pusat autisme di seluruh negara dan sejauh mana bantuan serta insentif yang diberikan kepada pengusaha swasta dalam usaha ini.

SAR WANITA DIHANYUT ARUS DERAS AKAN FOKUS SUNGAI RUI



PETALING JAYA:

Pasukan mencari dan menyelamat (SAR) percaya seorang wanita hilang dihanyutkan arus deras di Sungai Air Beruk, Gerik semalam sudah memasuki Sungai Rui berdasarkan arus air sejak semalam.

Nur Arina Azizan, 20, dikhuatiri lemas selepas dihanyutkan arus deras ketika beriadah bersama ibu, adik perempuan dan dua sepupunya pada 2.30 petang semalam.

WANITA WARGA EMAS DIACU PISAU DI LEHER, DISAMUN DALAM RUMAH



Hantaran di Facebook mengenai kejadian yang berlaku di Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani.

SUNGAI PETANI - Seorang wanita warga emas berdepan detik cemas diacu pisau di leher dalam kejadian samun dekat Bandar Puteri Jaya di sini pada Ahad.

Kejadian yang berlaku kira-kira jam 10.30 malam itu disedari ketika terdengar bunyi suspek masuk melalui pintu kaca rumah mangsa.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda Asisten Komisioner Wan Azharudin Wan Ismail berkata, polis menerima maklumat kejadian pada jam 12.36 tengah malam.

"Hasil siasatan mendapati semasa mangsa yang berusia 68 tahun berada dalam bilik tidur, telah terdengar bunyi besi bergesel di ruang tamu.

"Mangsa yang keluar untuk periksa keadaan bagaimanapun terkejut setelah temampak seorang lelaki tidak dikenali berada di pintu ruang tamu rumahnya," jelas beliau.

Menurutnya, suspek telah mengacu pisau ke leher mangsa dengan mengarahkan supaya diam dan membawa masuk ke dalam bilik.

Difahamkan, suspek turut membawa sebatang besi panjang.

Menurut Wan Azharudin, suspek kemudian menyelongkar almari untuk mencari wang sebelum menjumpai seutas rantai tangan.

Beliau berkata, rantai tangan bersama sebutuk cincin yang dipakai mangsa telah dilarikan.

Dalam pada itu, katanya, susulan kejadian Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda telah membuat hebahan ke daerah berdekatan.

WARGA EMAS MAUT KETIKA MENGAMBIL TAYAR GANTI DI BUT KERETA



Polis mengawal lalulintas selepas seorang lelaki warga emas maut dilanggar sebuah kenderaan pikap dalam kejadian di Kilometer 5.5 LKSA, tengah hari tadi. Foto NSTP/ihsan IPD Shah Alam

SHAH ALAM: Seorang lelaki warga emas yang sedang mengambil tayar ganti di belakang kereta maut dilanggar sebuah kenderaan pikap dalam kejadian di Kilometer 5.5 Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA), tengah hari tadi.

Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, dalam kejadian pada jam 12.30 tengah hari itu, siasatan mendapati kemalangan berlaku selepas sebuah bas henti henti gagal mengelak kenderaan pikap yang berhenti di belakang kereta Toyota Camry di lorong kiri lebuhraya.

"Bas berkenaan melanggar bahagian belakang kenderaan pikap itu yang kemudian bergerak ke depan dan melanggar mangsa yang sedang mengambil tayar ganti di belakang kereta.

"Kemalangan itu mengakibatkan mangsa yang berusia 65 tahun mengalami kecederaan parah di bahagian badan dan disahkan maut di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan hari ini.

KANAK-KANAK 7 TAHUN MAUT, MOTOSIKAL BAPA DI REMPUH KERETA MEWAH

KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak berusia 7 tahun maut dalam kemalangan membabitkan sebuah motosikal dengan kereta mewah selepas dirempuh dari belakang di Lebuhraya Bukit Jalil, di sini pada Jumaat.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd Zamzuri Mohd Isa berkata, ketika kejadian kanak-kanak perempuan itu membonceng motosikal bersama ibu dan bapanya.

Menurutnya, setibanya di lokasi kejadian kira-kira 9.50 malam motosikal ditunggangi tiga beranak warga tempatan itu dirempuh sebuah kereta mewah jenis BMW.

"Dalam kejadian itu penunggang motosikal dan pembonceng bersama anak mereka terjatuh di atas jalan.

GISB: FOKUS UTAMA PULIHKAN KANAK-KANAK, KEMBALIKAN KE PANGKUAN KELUARGA - MOHD NA'IM

KUALA LUMPUR: Usaha pemulihan bagi kanak-kanak yang diselamatkan menerusi Op Global membabitkan GISB Holdings Sdn Bhd (GISB) dibuat secara menyeluruh merangkumi aspek akidah, kaunseling, kenegaraan, pendidikan dan kemahiran, Dewan Rakyat diberitahu hari ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Mohd Na'im Mokhtar berkata selain usaha kepada pemulihan mangsa, fokus juga terarah untuk mengembalikan kanak-kanak terbabit kepada ibu bapa dan keluarga masing-masing.

Beliau berkata langkah pemulihan itu turut melibatkan pakar bagi memastikan kanak-kanak berkenaan dapat kembali dalam masyarakat dengan sejahtera, selain mengurangkan risiko trauma akibat menjadi mangsa GISB.

"Semua pendekatan (pemulihan) ini memerlukan kesungguhan dan komitmen pelbagai pihak bagi memastikan kanak-kanak berkenaan tidak terabai dan dapat kembali menjalani kehidupan yang normal dalam masyarakat," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Mohd Na'im menjawab soalan tambahan Zakri Hassan (PN-Kangar) berhubung usaha pemulihan bagi kanak-kanak GISB terutama risiko trauma.